



## Kriteria Kenaikan Pangkat ke Jawatan **Pensyarah Universiti Gred DS/DUF54** (Profesor Madya)

Kriteria bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Pensyarah Universiti Gred DS/DUF54 (Profesor Madya)** terbahagi kepada empat (4) bahagian:

Bahagian		Kaedah Penilaian
<b>A</b>	<b>Kriteria Am</b>	Mesti memenuhi kesemua Kriteria Am. Kriteria ini adalah sama bagi kesemua kategori permohonan kenaikan pangkat di UniSZA.
<b>B</b>	<b>Kriteria Asas</b>	Mesti memenuhi kesemua Kriteria Asas. Kriteria ini adalah berbeza mengikut jawatan dan laluan yang dimohon.
<b>C</b>	<b>Kriteria Laluan</b>	Mesti mencapai markah penuh bagi Kriteria Laluan. Pemarkahan akan dibuat secara berautomasi melalui sistem berasaskan web yang digunakan.
<b>D</b>	<b>Kriteria Khas</b>	Mesti menghantar dokumen yang diperlukan. Pemarkahan akan dibuat oleh Jawatankuasa yang dilantik.

### Bahagian A: Kriteria Am

Kriteria ini adalah sama bagi semua laluan kerjaya. Calon yang memohon MESTI memenuhi kesemua kriteria dalam bahagian ini sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kriteria ini adalah sama bagi kesemua kategori permohonan kenaikan pangkat di UniSZA. Kriteria am adalah sebagaimana berikut:

1. Disahkan dalam perkhidmatan.
2. Telah mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu LNPT (80% dan ke atas) bagi tempoh tiga (3) tahun terkini.
3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.
4. Bebas tindakan tatatertib.
5. Telah mengisytiharkan harta.

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

6. Lulus tapisan SPRM.
7. Bebas daripada peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan.
8. Minimum tiga (3) tahun perkhidmatan di UniSZA.

## Bahagian B: Kriteria Asas

Kriteria ini adalah berbeza mengikut laluan kerjaya. Calon yang memohon MESTI memenuhi kesemua kriteria dalam bahagian ini. Kriteria asas bagi permohonan ini adalah sebagaimana berikut:

### Laluan Kerjaya Pengajaran

1. Minimum **satu (1) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi **bidang Sains Sosial**, ATAU **dua (2) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang **Sains dan Teknologi**, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
2. Menggraduatkan minimum **satu (1) orang pelajar PhD** atau **dua (2) orang pelajar Sarjana** sebagai **Penyelia Utama** selepas kenaikan pangkat Gred52 / lantikan Gred51.
3. Mengetuai **dua (2) geran penyelidikan** (sekurang-kurangnya satu (1) geran penyelidikan berkaitan pengajaran).
4. Menghasilkan **lima (5) penerbitan** jurnal artikel berindeks (Scopus/WOS) sebagai Penulis Utama
5. Penerbitan **satu (1) buku** atau **empat (4) bab dalam buku** oleh penerbit tersohor atau penerbit diiktiraf sebagai penulis.
6. Menerbitkan **satu (1) modul pengajaran**.
7. Memenangi **satu (1) anugerah /pingat emas berkaitan pengajaran** di peringkat universiti/kebangsaan.
8. Satu (1) lantikan sebagai Panel Auditor/Jawatankuasa Akademik di peringkat fakulti/universiti.

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

## Laluan Kerjaya Penyelidikan

1. Minimum **dua (2) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi **bidang Sains Sosial**, ATAU **empat (4) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang **Sains dan Teknologi**, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
2. Menggraduatkan minimum **satu (1) orang pelajar PhD** atau **dua (2) orang pelajar Sarjana** sebagai **Penyelia Utama** selepas kenaikan pangkat Gred52 / lantikan Gred51.
3. Mengetuai **dua (2) geran penyelidikan** (satu (1) geran terdiri daripada Geran Nasional/Industri/NGO/Badan Berkanun/Antarabangsa).
4. Menghasilkan **sepuluh (10) penerbitan** jurnal artikel berindeks (Scopus/WOS) sebagai Penulis Utama.
5. Penerbitan **satu (1) buku** atau **empat (4) bab dalam buku** oleh penerbit tersohor atau penerbit diiktiraf sebagai penulis.
6. Menjadi **ketua minimum satu (1)** harta intelek (hak cipta).

## Laluan Kerjaya Kepimpinan

1. Minimum **satu (1) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi **bidang Sains Sosial**, ATAU **dua (2) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi **bidang Sains dan Teknologi**, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
2. Menggraduatkan minimum **satu (1) orang pelajar PhD** atau **dua (2) orang pelajar Sarjana** sebagai **Penyelia Utama** selepas kenaikan pangkat Gred52 / lantikan Gred51.
3. Mengetuai **dua (2) geran penyelidikan**.
4. Menghasilkan **lima (5) penerbitan** jurnal artikel berindeks (Scopus/WOS) sebagai Penulis Utama.
5. Penerbitan **satu (1) buku** atau **empat (4) bab dalam buku** oleh penerbit tersohor atau penerbit diiktiraf sebagai penulis.
6. Dilantik sekurang-kurangnya sebagai Timbalan Pengarah/Timbalan Dekan minimum dua (2) tahun.
7. Dilantik sekurang-kurangnya satu (1) pelantikan/pengiktirafan berdasarkan kepakaran daripada agensi luar.

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

## Laluan Kerjaya Profesional

1. Minimum **satu (1) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi **bidang Sains Sosial**, ATAU **dua (2) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi **bidang Sains dan Teknologi**, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
2. Menggraduatkan minimum **satu (1) orang pelajar PhD** atau **dua (2) orang pelajar Sarjana** sebagai **Penyelia Utama** selepas kenaikan pangkat Gred52 / lantikan Gred51.
3. Mengetuai **dua (2) geran penyelidikan**.
4. Menghasilkan **lima (5) penerbitan** jurnal artikel berindeks (Scopus/WOS) sebagai Penulis Utama.
5. Penerbitan **satu (1) buku** atau **empat (4) bab dalam buku** oleh penerbit tersohor atau penerbit diiktiraf sebagai penulis.
6. Menjadi **ahli minimum satu (1)** harta intelek (paten).
7. Menjadi **ketua perundingan/pengkomersialan** projek agensi luar dengan **nilai (kumulatif) RM100,000.00**.

## Bahagian C: Kriteria Laluan

Kriteria ini adalah berbeza mengikut laluan kerjaya. Calon yang memohon MESTI memenuhi markah penuh yang ditetapkan. Senarai kesetaraan markah bagi semua kriteria boleh dirujuk pada dokumen **Kesetaraan Markah Kriteria Kenaikan Pangkat** yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar. Kriteria mengikut laluan ini terbahagi kepada tujuh (7) kategori sepertimana yang digariskan dalam Amanah Kesarjanaan Pensyarah (AKP):

Kategori
a. Pengajaran
b. Penyeliaan
c. Penyelidikan
d. Penulisan/Penerbitan
e. Perundingan
f. Pengkomersialan
g. Perkhidmatan kepada universiti/masyarakat

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

Kriteria mengikut laluan adalah sebagaimana berikut:

## Laluan Kerjaya Pengajaran

Pembahagian kriteria Laluan Kerjaya Pengajaran mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Kriteria	Markah Perlu Dicapai
Pengajaran	1. Jam Kontak Pengajaran	54 jam kontak
	2. Sanjungan Pengajaran	8
Penyeliaan	3. Penyeliaan Pelajar Pasca Siswazah (Penyelia Utama)	5
Penyelidikan	4. Bilangan Geran Penyelidikan (Ketua)	2
	5. Nilai Geran Penyelidikan (Ketua)	5
	6. Sanjungan Penyelidikan	-
Penulisan/ Penerbitan	7. Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks	6
	8. Penerbitan Ilmiah	5
Perundingan	9. Perundingan	1
Pengkomersialan	10. Harta Intelek (Selain Paten)	1
	11. Sanjungan Profesional	-
Perkhidmatan kepada universiti/masyarakat	12. Kepimpinan Universiti/Masyarakat	5
	13. Sanjungan Kepimpinan	-

## Laluan Kerjaya Penyelidikan

Pembahagian kriteria laluan mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Kriteria	Markah Perlu Dicapai
Pengajaran	1. Jam Kontak Pengajaran	54 jam kontak
	2. Sanjungan Pengajaran	-
Penyeliaan	3. Penyeliaan Pelajar Peringkat Pasca Siswazah (Penyelia Utama)	5

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

<b>Penyelidikan</b>	4. Bilangan Geran Penyelidikan (Ketua)	4
	5. Nilai Geran Penyelidikan (Ketua)	5
	6. Sanjungan Penyelidikan	5
<b>Penulisan/ Penerbitan</b>	7. Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks	12
	8. Penerbitan Ilmiah	5
<b>Perundingan</b>	9. Perundingan	1
<b>Pengkomersialan</b>	10. Harta Intelek (Selain Paten)	1
	11. Sanjungan Profesional	-
<b>Perkhidmatan kepada universiti/masyarakat</b>	12. Kepimpinan Universiti/Masyarakat	5
	13. Sanjungan Kepimpinan	-

## Laluan Kerjaya Kepimpinan

Pembahagian kriteria laluan mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Kriteria	Markah Perlu Dicapai
<b>Pengajaran</b>	1. Jam Kontak Pengajaran	18 jam kontak
	2. Sanjungan Pengajaran	-
<b>Penyelidikan</b>	3. Penyeliaan Pelajar Pasca Siswazah (Penyelia Utama)	5
<b>Penyelidikan</b>	4. Bilangan Geran Penyelidikan (Ketua)	2
	5. Nilai Geran Penyelidikan (Ketua)	5
	6. Sanjungan Penyelidikan	-
<b>Penulisan/ Penerbitan</b>	7. Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks	6
	8. Penerbitan Ilmiah	5
<b>Perundingan</b>	9. Perundingan	1
<b>Pengkomersialan</b>	10. Harta Intelek (Selain Paten)	1
	11. Sanjungan Profesional	-
<b>Perkhidmatan kepada universiti/masyarakat</b>	12. Kepimpinan Universiti/Masyarakat	10
	13. Sanjungan Kepimpinan	6

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

## Laluan Kerjaya Profesional

Pembahagian kriteria laluan mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Kriteria	Markah Perlu Dicapai
<b>Pengajaran</b>	1. Jam Kontak Pengajaran	54 jam kontak
	2. Sanjungan Pengajaran	-
<b>Penyeliaan</b>	3. Penyeliaan Pelajar Pasca Siswazah (Penyelia Utama)	5
<b>Penyelidikan</b>	4. Bilangan Geran Penyelidikan (Ketua)	2
	5. Nilai Geran Penyelidikan (Ketua)	5
	6. Sanjungan Penyelidikan	-
<b>Penulisan/ Penerbitan</b>	7. Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks	6
	8. Penerbitan Ilmiah	5
<b>Perundingan</b>	9. Perundingan	5
<b>Pengkomersialan</b>	10. Harta Intelek (Selain Paten)	3
	11. Sanjungan Profesional	6
<b>Perkhidmatan kepada universiti/masyarakat</b>	12. Kepimpinan Universiti/Masyarakat	8
	13. Sanjungan Kepimpinan	-

## Bahagian D: Kriteria Khas

Kriteria Khas ini diguna pakai bagi Laluan Kerjaya Pengajaran, Penyelidikan, Kepimpinan dan Profesional. Setiap permohonan MESTI dihantar bersama kesemua dokumen yang diperlukan bagi memenuhi kriteria ini. Pemarkahan kriteria akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas Kenaikan pangkat.

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

## Laluan Kerjaya Pengajaran

Kriteria Khas mengikut laluan ini terbahagi kepada **dua (2)** adalah sebagaimana berikut:

Kriteria Khas	Jumlah Markah
Laporan Penilaian 360 darjah Laluan Pengajaran bagi pengukuran tahap kompetensi (dinilai oleh Pemegang Taruh)	20
Portfolio Pengajaran (dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik)	80
<b>Jumlah Markah</b>	<b>100</b>

\*Markah minimum perlu dicapai ialah 80%

## Laluan Kerjaya Penyelidikan

Kriteria Khas mengikut laluan ini terbahagi kepada **dua (2)** adalah sebagaimana berikut:

Kriteria Khas	Jumlah Markah
Laporan Penilaian 360 darjah Laluan Penyelidikan bagi pengukuran tahap kompetensi (dinilai oleh Pemegang Taruh)	20
Portfolio Penyelidikan (dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik)	80
<b>Jumlah Markah</b>	<b>100</b>

\*Markah minimum perlu dicapai ialah 80%

## Laluan Kerjaya Kepimpinan

Kriteria Khas mengikut laluan ini terbahagi kepada **tiga (3)** adalah sebagaimana berikut:

Kriteria Khas	Jumlah Markah
Laporan Penilaian 360 darjah Laluan Kepimpinan bagi pengukuran tahap kompetensi (dinilai oleh Pemegang Taruh)	10
Portfolio Kepimpinan (dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik)	60
Pengetahuan dalam organisasi dan kemahiran kepimpinan (dinilai oleh Panel Temu duga)	30
<b>Jumlah Markah</b>	<b>100</b>

\*Markah minimum perlu dicapai ialah 80%

(Diluluskan dalam Mesyuarat LPU Bil. 5/2023 bertarikh 23 Nov 2023)

## Laluan Kerjaya Profesional

Kriteria Khas mengikut laluan ini terbahagi kepada **dua (2)** adalah sebagaimana berikut:

Kriteria Khas	Jumlah Markah
Laporan Penilaian 360 darjah Laluan Profesional bagi pengukuran tahap kompetensi (dinilai oleh Pemegang Taruh)	20
Portfolio Profesional (dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik)	80
<b>Jumlah Markah</b>	<b>100</b>

\*Markah minimum perlu dicapai ialah 80%